

Sungai jadi tong sampah segera

Sesetengah penduduk di sepanjang anak Sungai Gombak buang sampah ke dalam sungai

GOMBAK - Sampah terus dilempar masuk ke sungai, itu tong sampah bagi segelintir di Pinggiran Batu Caves dan rumah taman berhampiran di sini.

Lokasi sungai yang berhampiran dengan perumahan tersebut 'memudahkan' penduduk yang malas untuk membuang sampah di tong besar berbuat demikian.

Beberapa bungkus plastik sampah jelas kelihatan dalam sungai yang cetek airnya.

Suri rumah, Nur Jannah Geris Abdullah, 40 berkata, adakala lampin pakai buang dibuang terus ke sungai tersebut.

"Tak nampak benda berat seperti televisyen atau almari dibuang dari atas tapi biasanya sampah harian, Kalau nampak saya tegur sebab kotor dan sebabkan longkang tersumbat.

"Saya buang sampah di bawah, nak suruh anak buang pun tak pernah sebab bimbang jika dia tinggalkan sampah di mana-mana. Tak buang terus dari tingkat kerana tak mahu bagi contoh yang tidak baik kepada anak-



NUR JANNAH

anak," katanya.

Kontraktor, Abdul Hakim Zakaria, 28 berkata, kebiasaannya pelaku akan membuang sampah pada waktu malam.

"Tak ada insiden penduduk cedera sebab sampah terbang sepanjang saya tinggal di sini hampir 20 tahun.

"Kebiasaannya daripada 20 penduduk yang tinggal di satu blok hanya dua atau tiga sahaja yang bermasalah.

"Sampah yang dibuang juga tak berat dan sungai jadi bersih lepas hujan tapi yang ketara di peringkat sampah, kalau berterusan boleh ganggu kelancaran air dan menyebabkan banjir



HAKIM

kilat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves Fasa 2, Che Hamid Che Jusoh berkata, pihaknya giat meningkatkan kesedaran penduduk mengenai penjagaan kebersihan dan pengurusan sampah yang betul namun maklum balas yang diterima kurang memberangsangkan.

"Kamigunakan pembesar suara bagi pemberitahuan larangan pemuangan sampah terus ke dalam sungai secara berkala terutama sewaktu program gotong-royong.

"Belum pernah tindakan tegas termasuk tangkapan ke



Anak sungai yang tercemar dengan bungkus plastik yang dibuang oleh segelintir penduduk tidak bertanggungjawab.

atas pelaku buat masa ini. Ia lebih kepada sikap individu itu sendiri, tak semua penduduk tidak memberikan kerjasama," katanya.

Katanya, sikap tidak bertanggung jawab itu tidak memudaratkan sehingga mendatangkan kecederaan kepada penghuni lain tetapi

lebih kepada pencemaran persekitaran dan isu kebersihan.

"Ada juga yang pengotor tinggalkan sampah di tangga pangsapuri. Disebabkan kami tidak menggunakan khidmat kontraktor pembersihan dalam unit jadi isu kebersihan itu dilakukan bersama

penduduk.

"Begitu juga najis kucing yang turut menjadi masalah di pangsapuri kami, jika serius keadaannya kami akan mendapatkan bantuan daripada unit veterinar Majlis Perbandaran Selayang tangkap kucing terbiar," katanya.



Kelihatan plastik dan kertas dibuang penduduk melalui koridor di luar kaki salah sebuah blok di Pangsapuri Seri Perantau.

Botol, puntung rokok sampah rutin dibuang

KLANG - Sampah berupa plastik, botol minuman, puntung rokok, kertas pembalut makanan antara barangan biasa yang kerap dibuang penghuni di 12 blok di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang sehingga ke hari ini.

Ketua Blok E, Zainal Abidin Ibrahim berkata, pemuangan sampah itu memang sukar untuk dibendung kerana penghuni mempunyai mentaliti pada tahap yang berbeza-beza.

"Kita tak mampu nak tegur mereka yang bertindak demikian setiap masa kerana masing-masing sudah dewasa, sebahagiannya warga emas.

"Bagaimanapun Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) pernah mengadakan program dan pertemuan dengan ketua blok dan penduduk-penduduk di sini berbincang dan menyentuh berkenaan isu sampah," katanya.

Menurutnya, lama-kelamaan isu itu kembali berlarutan meskipun pelbagai kesedaran cuba

ditanamkan.

Sementara itu, pengerusi JPP Zon 13, MPK, Parlimen Kapar, Mohamad Khairi Mohd Yunus berkata, satu lagi sikap segelintir penghuni yang sukar dibendung apabila meninggalkan sampah di tangga dan berdekatan lif hingga menimbulkan rasa kurang selesa kepada penghuni lain.

"Keadaan ini biasanya terjadi apabila lif mengalami kerosakan.

"Segelintir ibu bapa gemar menyuruh anak membuang sampah, bila lif rosak ia ditinggalkan merata-rata," katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, JPP sedang merangka program bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) untuk meningkatkan motivasi bagi terus mendidik penghuni di sini berkenaan



ZAINAL ABIDIN

kesedaran mengurus sampah.

"Kita tak mahu kejadian yang berlaku di Lembah Pantai berulang di sini, kita mahu kejadian itu dijadikan pengajaran oleh penduduk," katanya.

Mohamad Khairi juga berharap kerjasama penduduk

dan ketua-ketua blok di sini dapat dipertingkatkan dalam menangani isu pemuangan sampah.

Pangsapuri Seri Perantau dibina mengikut dua fasa, fasa pertama pada tahun 2002 manakala fasa kedua pula pada tahun 2006.

Keseluruhannya terdapat 12 blok dan dianggarkan 5,000 penduduk menghuni kesemua blok berkenaan. Pangsapuri berkenaan adalah tempat pemindahan penduduk dari setingan berdekatan.